

**PENGGKARYAAN ABDULLAH AL-GHUMARI SEBAGAI  
TOKOH PROLIFIK DALAM PENGUKUHAN DAKWAH  
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**


**Muhammad Zulhelmi Sidek  
Latifah Abd Majid**



**UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA**  
*National University  
of Malaysia*

## BIODATA TOKOH

- Abdullah al-Ghumari atau nama lengkapnya Abdullah bin Muhammad bin Siddiq bin Ahmad bin Muhammad bin Qasim bin Muhammad bin Abdul Mu'min al-Hasani al-Idrisi al-Ghumari.
- Beliau dilahirkan di kota Tanjah yang berada di Utara Maghribi pada bulan Jamadil Akhir atau awal bulan Rejab tahun 1328H atau 1910M (Farouk Hamadah 2005).
- Susur galur keturunan beliau sampai kepada Saidina Ali dan Saidatina Fatimah al-Zahra binti Rasulullah SAW (al-Ghalbazuri 2001).
- Bapanya Muhammad bin Siddiq merupakan ulama besar di Maghribi yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam sementara ibunya merupakan cucu daripada keluarga Ahmad bin 'Ajibah yang merupakan tokoh berpengaruh di Maghribi yang mengarang kitab *Iqaz al-Humam fi Syarh Hikam*.
- Abdullah al-Ghumari telah wafat pada 19 Syaaban 1413H bersamaan 11 Februari 1993M selepas lebih 2 bulan terlantar sakit di atas katil pada umur 83 tahun (al-Jabbari 2011).




Sayyid Abdullah bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani

# GURU DAN MURID

- Tanah : Sayyid Muhammad bin Siddiq al-Ghumari (Bapa), Sayyid Ahmad al-Ghumari (Abang Kandung), Sayyid Abdul Karim al-Barraq, Muhammad al-Andalusi al-Masuri dan sepupunya Muhammad bin Abdul Samad (al-Jabbari 2011).
  - Fez : al-Habib al-Muhaji, Ahmad bin al-Taib al-Qadiri, Muhammad al-Sanhaji, Ahmad bin al-Jilani, Abdullah al-Fudhaili, Sayyid Hassan al-Iraqi, Abdul Hayy al-Kattani dan al-Abbas al-Bannani (al-Ghumari 2016,1).
  - Mesir : Muhammad Bakhit al-Muti'i, Zahid al-Kauthari dan Muhammad bin Ibrahim al-Samaluthi, Muhammad Hasanain Makhluf, Hamid Jad, Mahmud al-Mansuri al-Hanafi dan Abdul Majid al-Syarqawi (al-Ghalbazuri 2001).
  - Guru daripada kalangan wanita : Aminah bin Abdul Jalil al-Dharra al-Dimasyqiyyah
- 
- Murid Abdullah al-Ghumari : Abdul Fattah Abu Ghuddah, Sayyid al-Muntasir al-Kattani, Muhammad Awwamah, Ali Jum'ah al-Misri, Soleh al-Ja'fari, Farouk Hamadah, Muhammad Hamid al-Hamawi, Hassan al-Batanuni, Mahmud Said Mamduh dan Sayyid Hassan al-Saqqaf (al-Jabbari 2011).

# GELARAN (KUNYAH)

- Gelaran yang paling masyhur bagi Abdullah al-Ghumari adalah yang dipilih oleh dirinya sendiri iaitu Abu al-Fadl.
- Beliau memilih gelaran itu kerana ianya merupakan gelaran bagi 3 orang huffaz iaitu al-Iraqi, al-Suyuti dan Ibn Hajar (al-Ghalbazuri 2001).
- Abang kandung kepada Abdullah al-Ghumari iaitu Ahmad al-Ghumari pula menggelarkan beliau sebagai Abu al-Majd di dalam kitabnya *Subhat al-<sup>c</sup>Aqiq* (al-Ghumari 2016, 1).



# KETOKOHAN DAN KEILMUAN

- Kredibiliti beliau dalam ilmu terzahir sehingga diberi jolokan sebagai *al-muhaddith*, ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh al-Hafiz al-Tijani bahawa Abdullah al-Ghumari merupakan *Kanz al-Sunnah*.
- al-Bahi al-Khauili memujinya sebagai seorang cekap dalam menjawab persoalan lantaran penguasaan ilmunya yang mencurah-curah (al-Ghumari 2016,1).
- Said Mamduh mengatakan bahawa gurunya itu seorang yang luas, halus serta teguh keilmuannya. Terhimpun pada Abdullah al-Ghumari itu hujah *naqli* dan *aqli*, seorang *al-muhaddith* (ahli hadis), seorang *al-usuli* (pakar usul fekah), seorang *al-nahwi* (pakar ilmu nahu), seorang *al-mantiqi* (pakar ilmu mantik) dan beliau diibaratkan seperti laut yang luas dan dalam pada ilmunya” (Said Mamduh 1984).
- Muhammad Awwamah dan Khair Ramadhan Yusuf mengiktiraf beliau sebagai seorang yang *alim allamah* (bepengetahuan sangat luas), *bahith muhaqqiq* (pengkaji ilmu yang teliti) dan *muhaddith hafiz* (pakar hadis dan menghafaznya) (al-Ghalbazuri 2001).
- Selain itu, Muhammad Awwamah di dalam tahkiknya juga menyebutkan bahawa Abdullah al-Ghumari layak dan termasuk dalam kalangan al-Hafiz pada era moden ini (al-Suyuti 2016).

# LEGASI PENGKARYAAN ABDULLAH AL-GHUMARI

- Bakat pengkaryaan dan penguasaan ilmu Abdullah al-Ghumari sudah terbit seawal usianya lingkungan 20 tahun. Beliau menulis huraian (syarah) bagi Matan al-Ajurrumiyyah dan diperbaiki oleh bapanya. Seterusnya, karya itu diberikan nama oleh abang kandung beliau dengan nama *Tashyid al-Mabani li Taudhih ma Hawathu al-Ajurrumiyyah min al-Haqaiq wa al-Maani* (al-Ghumari 2016,1).
- Pola penghasilan karya Abdullah al-Ghumari dilihat meningkat apabila beliau memulakan perjalanan ilmunya ke Mesir. Dan setelah menerima pengiktirafan oleh Universiti al-Azhar dengan memperolehi *al-Shahadah al-Alamiyyah li al-Ghuraba'* dan *al-Shahadah al-Alamiyyah al-Azhariyyah*.
- Abdullah al-Ghumari sangat inklusif dan responsif dalam mewujudkan interaksi dua hala yang baik di antara masyarakat awam dengan penghasilan karya-karya yang sifatnya membumi dan bermanfaat.
- Contoh : Beliau telah ditanya tentang permasalahan tawassul, maka Abdullah al-Ghumari menjawabnya dalam bentuk penulisan kitab iaitu *Ittihaf al-Azkiya' bi Jawaz al-Tawassul bi al-Anbiya' wa al-Awliya'*. Selain itu, Syeikh Muhammad Imarah memintanya untuk menulis suatu karya tentang permasalahan karamah. Maka al-Ghumari menulis satu kitab yang diberi nama *al-Hujaj al-Bayyinah fi Ithbat al-Karamat*.

# LEGASI PENGKARYAAN ABDULLAH AL-GHUMARI

- Beliau menulis beberapa karya saat beliau dimasukkan ke dalam penjara pada zaman pemerintahan Jamal Abdul Nasir selama 11 tahun bermula 15 Disember 1959 sehingga 26 Disember 1969 (Farouk Hamadah 2006).
- Antara karya yang sempat dikarang adalah seperti *Fadhail al-Nabi fi al-Quran*, *Nafhat al-Ilahiyyah fi Salah ala Khair al-Bariyyah*, *Samir al-Salihin*, *al-Qaul al-Masmu' fi al-Hijr al-Masyru'*, *Jawahir al-Bayan fi Tanasub Suwar al-Quran*, *Bida' al-Tafasir*, *Tamam al-Minnah fi Bayan al-Khisal al-Mujibah li Jannah*, *Khawatir Diniyyah*, *al-Ahadith al-Mukhtarah*, *al-Kanz al-Thamin fi Ahadith al-Nabi al-Amin*.
- Abdullah al-Ghumari dikatakan telah menulis lebih kurang 100 buah karya peribadi termasuk penulisan-penulisan umum beliau dalam bentuk kitab, risalah, makalah dan memberikan kata pendahuluan (muqaddimah) pada karya tertentu. Pada tahun 2016 telah diterbitkan sebuah ensiklopedia yang memuatkan semua karya dan penulisan beliau sebanyak 18 jilid yang dinamakan *Mausu'ah al-Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Syarif Abdullah bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Projek pengumpulan manuskrip karya dan penulisan Abdullah al-Ghumari telah diterajui dan diselesaikan oleh anak murid beliau sendiri iaitu Mahmud Said Mamduh (al-Ghumari 2016,1)

# TEMA & KATEGORI PENGKARYAAN AL-GHUMARI

- **Penulisan Tentang Asas Dalam Sesuatu Ilmu**

- Contoh : Terbitnya kitab *Bida' al-Tafasir* adalah disebabkan kekusaran Abdullah al-Ghumari terhadap perkembangan aliran tafsir moden pada zamannya (Nurul Ulya 2019). Ianya adalah karya yang menghuraikan tentang asas dan kaedah tafsir yang tidak patut diabaikan oleh seorang ahli tafsir (al-Ghumari 1986).

- **Penulisan Jawapan Bagi Sesuatu Persoalan dan Penulisan Atas Permintaan Orang Sekeliling**

- Contoh : Sebagai seorang tokoh yang berpengaruh di Mesir, Abdullah al-Ghumari telah didatangi oleh murid dan masyarakat awam untuk mengajukan persoalan. Maka jawapan balas dan fatwa beliau bagi persoalan itu dimasukkan dan disebar luaskan di dalam kolum akhbar dan majalah di Mesir. Persoalan yang diajukan kepada beliau mencakupi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu kalam, tafsir, hadis, fiqh dan usul fiqh, tasawuf, sirah dan permasalahan khilafiyah (al-Ghumari 2016,1). Sehingga segala soal jawab ini dihimpunkan oleh Ibrahim Ahmad Syahatah menjadi sebuah kitab yang diberi nama *al-Hawi li al-Fatawa* (al-Ghumari 2007).



# TEMA & KATEGORI PENGKARYAAN AL-GHUMARI

- **Kritikan Terhadap Sesuatu Kitab atau Fatwa**

- Contoh : Abdullah al-Ghumari amat cakna terhadap kesalahan dan penyelewengan dalam sesuatu kitab atau fatwa. Apabila beliau menekuni kitab *al-Qaul al-Mubin fi Hukm Dua' wa Nida' al-Mauta min al-Anbiya' wa al-Salihin* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Mukhaimir. Maka beliau mendapati di dalamnya penuh dengan kesalahan yang merangkumi aspek tafsir, hadis, fiqh, usul fiqh dan akidah. Oleh kerana itu, Abdullah al-Ghumari telah menulis sebuah kitab yang mengkritik dan menolak kitab tersebut dengan nama *al-Radd al-Muhkam al-Matin 'ala Kitab al-Qaul al-Mubin*.

- **Menjawab Permasalahan Semasa**

- Contoh : Pada tahun 1953M telah berlaku banyak kes bunuh diri dalam kalangan belia dan remaja di Mesir. Mereka nekad untuk terjun ke dalam Sungai Nil disebabkan beberapa masalah hidup seperti masalah penceraian, putus cinta dan gagal dalam peperiksaan. Oleh kerana itu, beliau bertanggungjawab untuk memberi pencerahan terhadap isu tersebut daripada kaca mata Islam lalu terhasil kitab *Qam'u al-Ashrar 'an Jarimat al-Intihar* (al-Ghumari 2016,1).

SEKIAN TERIMA KASIH

